

Daim Yakin Najib Mampu Majukan Malaysia
Bernama
5 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dilihat sudah bersedia untuk membawa negara ke hadapan setelah diuji dengan pelbagai dugaan serta ranjau yang paling sukar, kata bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Beliau berkata sejak 1976 sehingga kini, Najib telah menunjukkan kebolehan menyelusuri dan mengasah bakat dalam arena politik, berkemahiran, mempunyai kelebihan senioriti, pengalaman serta mempunyai rangkaian yang lebih baik berbanding mereka yang seusia mahupun yang lebih senior dengannya.

"Jika anda membezakan ciri-ciri antara kedua-dua pemimpin, Anwar (Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan Najib, anda akan terdorong untuk memberi markah yang lebih tinggi kepada Najib. Najib pada hemat saya telah mendapat banyak manfaat sebagai anak kepada Tun Razak.

"Beliau telah berada dalam Pemuda Umno beberapa tahun sebelum kemasukan Anwar, beliau telah biasa dengan personaliti dan isu-isu yang melanda dan terbukti pemikirannya amat tajam di dalam mesyuarat tertutup, beliau sangat berkeyakinan dan mampu untuk berdepan dengan khalayak ramai," katanya dalam satu wawancara yang disiarkan oleh Mingguan Malaysia pada Ahad.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649991>